


Ruj. Kami: KPM.800-4/1/5 Jld.10(74)
Tarikh : 19 Oktober 2017

Pengarah Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
Pengarah Bahagian Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah
Kecemerlangan
Pengarah Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional
Pengarah Bahagian Pendidikan Islam
Pengarah Bahagian Pendidikan Khas
Pengarah Bahagian Pendidikan Swasta
Pengarah Bahagian Sukan
Pengarah Bahagian Kokurikulum dan Kesenian
Semua Pengarah Pendidikan Negeri



YBhg. Dato'/Tuan/Puan,

**PENJELASAN LANJUT BERHUBUNG TATACARA
PINDAH/PEMULANGAN PERUNTUKAN TAHUN SEMASA DARIPADA
SEKOLAH**

Dengan segala hormatnya saya diarah menarik perhatian YBhg. Dato'/Tuan/Puan kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan Bahagian ini telah menerima beberapa pertanyaan berhubung pengagihan semula peruntukan tahun semasa daripada sebuah sekolah ke sekolah lain. Setelah diteliti dan merujuk kepada Bahagian Akaun, KPM di bawah ini dinyatakan beberapa situasi dan penjelasannya seperti berikut:

- i) **Peruntukan BMA/PPM 2017, disalurkan daripada Bahagian Kewangan melalui JPN/Bahagian.** Bagi kes seumpama ini JPN/Bahagian boleh mengarahkan sekolah untuk memulangkan baki/lebih peruntukan tahun semasa untuk diagihkan semula kepada sekolah yang mengalami kekurangan peruntukan.


- ii) **Peruntukan BKAP1M 2017, disalurkan daripada Bahagian Kewangan terus ke akaun sekolah.** Untuk kes seperti ini sekolah perlulah memulangkan lebih peruntukan BKAP1M 2017 kepada Bahagian Kewangan.
- iii) JPN/Bahagian perlulah mematuhi prosedur kewangan dan perakaunan sedia ada yang berkuatkuasa bagi memastikan tindakan tersebut dilaksanakan dengan teratur.

3. Semoga penjelasan di atas dapat membantu pihak YBhg. Dato'/Tuan/Puan dalam menguruskan kekangan peruntukan bagi tahun semasa serta akan datang.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,


(WAN UMMUL FATHANAH BINTI WAN MOHD NOOR)
Bahagian Kewangan
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
Tel: 03-8884 7627
Faks: 03-8884 7611
E-mel: ummul.noor@moe.gov.my